

Program YES pupuk pelajar STAR minat penyelidikan alam sekitar



Sebahagian daripada pelajar STAR Ipoh yang mengikuti **program YES**.

Port Dickson: Seramai 32 pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh, Perak, mengikuti program Sainitis Muda Alam Sekitar (YES) bagi memupuk minat terhadap bidang penyelidikan sains alam sekitar.

Pendedahan tiga hari dalam program anjuran Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia UPM dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS) itu bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pelajar mengenai pengurusan alam sekitar.

Pengarah program, Dr Hafizan Juahir, berkata program julung kali diadakan itu ialah antara langkah proaktif untuk pelajar mendapatkan pendedahan mengenai kajian berhubung

bidang alam sekitar serta bersedia menyertai pertandingan penyelidikan ke peringkat antarabangsa.

Katanya, program itu memberikan pengalaman langsung bagaimana penyelidikan boleh mencapai objektif kajian serta memberi pendedahan kepada saintis muda dalam bidang penyelidikan sains.

"Selain itu, aktiviti ini juga membolehkan pelajar memahami pengurusan alam sekitar," katanya dalam program ekspedisi YES di Pusat Eco Edutourism, Hutan Simpan Sungai Menyala, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, lapan kumpulan pelajar akan menghasilkan laporan aktiviti hasil penyelidikan di sekitar hutan simpan dengan

dibimbing fasilitator pelajar FPAS peringkat ijazah pertama (tahun tiga) dan pelajar siswazah.

"Antara kajian mereka di persekitaran hutan simpan itu ialah mengenal pasti tanah dan tumbuh-tumbuhan di kawasan hutan simpan dan penggunaan alat penyelidikan FPAS," katanya.

Sementara itu, pelajar STAR, Aiman Amin Zuraimi, berkata walaupun dia ingin berkecimpung dalam bidang farmasi, program itu memberi manfaat kepadanya mengenali tumbuhan liar.

"Selepas mengikuti program YES, saya dapati aktiviti berkenaan bukan membincangkan isu sains malah turut mempelajari pelbagai pokok ubatan di sekitar hutan ini," katanya.